

# PM temui bekas wakil rakyat BN

UM 29 FEB 2000

Oleh NIZAM HAMID

**J**ITRA 28 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengadakan pertemuan dengan bekas wakil-wakil rakyat yang tewas dan tidak dicalonkan semula dalam pilihan raya umum November lalu, sempena lawatan seharinya ke Kedah.

Pertemuan itu diadakan sebaik sahaja beliau tiba bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (LTSAH), Kepala Batas pada pukul 9.20 pagi ini.

Antara bekas wakil rakyat yang hadir pada perjumpaan selama sejam itu bermula pukul 9.30 pagi itu termasuk Datuk Othman Abdul, Datuk Dr. Affi-fuddin Omar, Tan Sri Osman Aroff, Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim dan Datuk Abdullah Hassan Kamaruddin.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, ahli-ahli Exco kerajaan negeri, para pegawai kanan kerajaan, para pemimpin di

UMNO dan Barisan Nasional serta pemimpin masyarakat

Semasa perjumpaan tersebut, difahamkan Dr. Mahathir meminta mereka tetap setia kepada UMNO dan meneruskan perjuangan untuk mendaulatkan agama bangsa dan negara.

Perdana Menteri kemudiannya meluangkan masa untuk bersemuka dan mendengar segala masalah yang dibangkitkan oleh penduduk Kubang Pasu di pusat khidmat rakyat di Pejabat UMNO Kubang Pasu di sini.

## Masalah

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu menghabiskan masa lebih dua jam mendengar masalah yang dikemukakan oleh puluhan penduduk Kubang Pasu yang bertemu dengannya.

Pejabat UMNO Kubang Pasu kini dijadikan pusat khidmat rakyat bagi membolehkan rakyat bersemuka dengan wakil rakyat untuk meluahkan permasalahan mereka sejajar dengan dasar telus yang diumumkan oleh kerajaan.

Pada sebelah petang, Dr. Mahathir melawat tapak pembinaan Jambatan Epa Kampung Epa, Wang

Tepus sebelum makan tengah hari bersama penduduk kampung di Dewan Masjid Wang Tepus.

Beliau seterusnya melawat tapak projek Sekolah Kebangsaan Bukit Tinggi di Bukit Tinggi, Kepala Batas bernilai RM3.3 juta yang dijangka siap tahun depan.

Dalam agenda terakhir lawatannya, beliau mengadakan perjumpaan dengan penduduk Kampung Hilir, Kepala Batas di Dewan Orang Ramai kampung tersebut.

Ketika berucap pada majlis itu, Dr. Mahathir mengingatkan penduduk kampung supaya mengekalkan perpaduan bagi menjamin keharmonian dan pembangunan negara.

Beliau berkata, negara akan kembali dijajah oleh kuasa-kuasa asing sekiranya rakyat terus bertelagah dan meminta pertolongan kuasa luar untuk menstabilkan politik negara.

Dr. Mahathir menambah, kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan pembangunan luar bandar sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengimbangi taraf hidup penduduk desa dan bandar.